

Faktor pengetahuan, sikap dan impresi terhadap penyertaan masyarakat Melayu dan Bumiputera dalam perayaan Cina

Azman Che Mat¹, Azarudin Awang², Zalinawati Abdullah³,
Muhammad Syukri Mohd Ashmir Wong⁴, Mohd Marbawi Taha⁵

¹Akademi Pengajian Bahasa, UiTM, Cawangan Terengganu

^{2,5}Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM, Cawangan Terengganu

³Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTM, Cawangan Terengganu

⁴Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM, Shah Alam

Correspondence: Azman Che Mat (email: azman531@uitm.edu.my)

Received: 18 June 2025; Accepted: 23 April 2025; Published: 21 May 2026

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji persepsi masyarakat Melayu dan Bumiputera terhadap perayaan masyarakat Cina di Malaysia, khususnya hubungannya dengan integrasi nasional dalam konteks masyarakat majmuk. Perayaan budaya merupakan komponen penting dalam identiti komuniti yang bukan sahaja melestarikan warisan tetapi juga memupuk perpaduan sosial melalui interaksi silang budaya. Namun begitu, orientasi masyarakat berbilang agama dan kaum ini masih belum diterokai secara sistematik dan ilmiah terhadap perayaan sesuatu kaum. Kajian ini memfokuskan kepada bagaimana pengetahuan, sikap, dan impresi keseluruhan dalam mempengaruhi tahap penyertaan dalam perayaan masyarakat Cina. Dengan menggunakan pendekatan kuantitatif, data dikumpul melalui soal selidik daripada 938 pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari lima negeri di Malaysia. Teknik *Partial Least Squares-Structural Equation Modelling* (PLS-SEM) digunakan untuk menganalisis data. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan yang tinggi tentang tradisi dan makna perayaan masyarakat Cina, seperti Tahun Baru Cina dan Pesta Kueh Bulan, mendorong penyertaan yang lebih aktif. Sikap positif terhadap kepelbagaian budaya merupakan faktor yang paling signifikan, mencerminkan toleransi dan penghargaan terhadap budaya lain sebagai pendorong kepada interaksi sosial. Sebaliknya, impresi keseluruhan yang negatif, termasuk tanggapan bahawa elemen tertentu dalam perayaan bercanggah dengan nilai agama, menghalang penyertaan. Kajian ini menekankan kepentingan pendidikan budaya dan dialog antara kaum untuk menghapuskan stereotaip dan memperkukuh kefahaman antara budaya. Usaha seperti kempen kesedaran budaya, program pertukaran pelajar, dan aktiviti komuniti yang inklusif dicadangkan sebagai langkah untuk memupuk perpaduan nasional. Penemuan ini memberikan implikasi penting untuk dasar integrasi sosial di Malaysia, khususnya dalam merangka pendekatan yang lebih efektif dalam meningkatkan hubungan antara kaum.

Kata kunci: Dialog antara kaum, integrasi nasional, perayaan budaya, persepsi masyarakat Melayu, sikap positif

The influence of knowledge, attitudes, and impressions on the participation of Malay and Bumiputera communities in Chinese festivals

Abstract

This study investigates the perceptions of Malay and Bumiputera communities towards Chinese cultural festivals in Malaysia, with particular attention to their role in fostering national integration within a multicultural society. Cultural festivals are integral to community identity, serving both to preserve heritage and to promote social cohesion through intercultural interaction. However, the orientation of this multi-religious and multi-ethnic society has not yet been systematically and academically explored in relation to the celebrations of a particular community. The study examines how knowledge, attitudes, and overall impressions influence participation in Chinese festivals. Employing a quantitative approach, data were collected via survey from 938 Universiti Teknologi MARA (UiTM) students across five Malaysian states and analyzed using Partial Least Squares-Structural Equation Modelling (PLS-SEM). Results reveal that greater knowledge of the traditions and meanings of Chinese festivals, such as the Lunar New Year and the Mid-Autumn Festival, enhances participation. Positive attitudes toward cultural diversity emerged as the strongest predictor of engagement, reflecting tolerance and appreciation of other cultures as key drivers of social interaction. In contrast, negative impressions-particularly perceptions of conflict between certain festival elements and religious values-discouraged participation. The study underscores the importance of cultural education and inter-ethnic dialogue in dismantling stereotypes and strengthening intercultural understanding. Initiatives such as cultural awareness campaigns, student exchange programs, and inclusive community activities are recommended as pathways to foster national unity. The findings carry significant implications for social integration policies in Malaysia, particularly in advancing more effective strategies to strengthen interethnic relations.

Keywords: Interethnic dialogue, national integration, cultural festivals, perceptions of the Malay community, positive attitudes

Pendahuluan

Perayaan merupakan amalan kebudayaan yang signifikan dalam kehidupan masyarakat pelbagai kaum, termasuk di Malaysia. Dalam konteks masyarakat Cina yang telah lama menetap di Malaysia (Azman et al., 2022), sambutan perayaan diwarisi secara turun-temurun dan mencerminkan elemen sejarah, kepercayaan serta tradisi. Dalam hal ini, penyertaan masyarakat Melayu dan Bumiputera dalam perayaan kaum lain perlu dilihat secara lebih berlapis, dengan mengambil kira kepelbagaian latar agama dan budaya dalam kelompok tersebut.

Dalam kajian ini, istilah *masyarakat Melayu* merujuk kepada responden berbangsa Melayu yang beragama Islam, manakala *Bumiputera* merujuk kepada responden daripada kumpulan pribumi bukan Melayu seperti etnik di Sabah, Sarawak dan Orang Asli di Semenanjung, sama ada beragama Islam atau bukan Islam. Penjelasan ini penting bagi membezakan dimensi agama dan budaya yang mempengaruhi bentuk penyertaan dalam perayaan masyarakat Cina.

Bagi masyarakat Melayu yang beragama Islam, penglibatan dalam perayaan yang mempunyai unsur keagamaan tertentu memerlukan penelitian terhadap batas-batas syarak agar tidak bercanggah dengan prinsip agama. Namun demikian, bagi Bumiputera yang tidak beragama Islam, penyertaan tersebut lebih terikat kepada pertimbangan budaya dan sosial, yang membuka ruang interaksi antara kaum dengan lebih luas. Justeru, perbezaan asas keagamaan dan budaya ini menjadikan isu penyertaan dalam perayaan sesuatu kaum sebagai satu wacana yang kompleks dan perlu dianalisis secara lebih sistematik dan kontekstual. Namun, kajian empirikal yang meneliti bagaimana pengetahuan, sikap dan impresi keseluruhan mempengaruhi penyertaan masyarakat Melayu dan Bumiputera dalam perayaan Cina masih terhad.

Tujuan kajian

Kajian ini bertujuan untuk: (i) menganalisis hubungan antara pengetahuan, sikap dan impresi keseluruhan dengan penyertaan masyarakat Melayu dan Bumiputera dalam perayaan masyarakat Cina di Malaysia; dan (ii) menilai bagaimana pola penyertaan tersebut memberi implikasi kepada usaha memperkukuh integrasi nasional dalam masyarakat majmuk.

Persoalan kajian

Berikut adalah persoalan kajian berdasarkan pernyataan di atas.

Soalan 1: Apakah hubungan antara tahap pengetahuan, sikap dan impresi keseluruhan dengan penyertaan masyarakat Melayu dan Bumiputera dalam perayaan masyarakat Cina di Malaysia?

Soalan 2: Antara pengetahuan, sikap dan impresi keseluruhan, faktor manakah yang paling signifikan dalam mempengaruhi penyertaan masyarakat Melayu dan Bumiputera terhadap perayaan masyarakat Cina?

Sorotan pustaka

Perayaan sebagai medium budaya dan integrasi sosial

Perayaan merupakan manifestasi penting budaya yang mencerminkan identiti, tradisi dan kepercayaan sesuatu komuniti (Anderson, 1993; Mohd Anuar Ramli et al., 2013). Sifatnya yang dinamik membolehkan perayaan berkembang mengikut perubahan sosial serta berfungsi sebagai medium interaksi dan persefahaman antara budaya (Cohen, 2013; Bochner et al., 2004). Dalam masyarakat plural, perayaan turut menjadi ruang yang berpotensi memupuk toleransi dan keharmonian antara agama melalui amalan saling menghormati dan kerjasama (Djuniasih et al., 2019; Aulia, 2022; Nugroho, 2022).

Dalam konteks Malaysia, perayaan juga berperanan sebagai platform integrasi antara kaum melalui pengalaman bersama serta interaksi sosial yang diperkukuh melalui pendidikan multikultural dan amalan sosial seperti rumah terbuka (Mustafar et al., 2021; Tangkudung et al., 2017; Musyarif et al., 2020; Cahyono et al., 2019; Pebrianto et al., 2021; Mohamad et al., 2023).

Penyertaan masyarakat Melayu dan Bumiputera dalam perayaan kaum lain

Walau bagaimanapun, penyertaan masyarakat Melayu dan Bumiputera dalam perayaan kaum lain merupakan isu yang memerlukan penelitian yang lebih mendalam. Bagi masyarakat Melayu yang beragama Islam, penglibatan dalam perayaan yang mempunyai unsur keagamaan perlu mematuhi batas syarak, seperti keharusan bersyarat dalam sambutan Tahun Baru Cina selagi tidak melibatkan unsur penyembahan atau amalan yang dilarang (Zulkifli Mohammad, 2017).

Sebaliknya, bagi Bumiputera bukan Muslim, penyertaan lebih berasaskan dimensi budaya dan sosial, yang membuka ruang interaksi antara kaum dengan lebih luas. Perbezaan latar agama ini menjadikan bentuk penyertaan tidak seragam, sebaliknya bergantung kepada kefahaman terhadap batas agama, nilai budaya serta konteks sosial semasa.

Kepelbagaian perayaan masyarakat Cina dan implikasi terhadap penyertaan

Perayaan masyarakat Cina seperti Tahun Baru Cina, Ching Ming, Pesta Perahu Naga, Pesta Hantu Lapar dan Pesta Kuih Bulan memperlihatkan gabungan unsur budaya, sejarah dan keagamaan yang kompleks (Tanggok, 2010; McCartney et al., 2007; Nasir et al., 2019; Sakurada et al., 2014; Pricilla Synthiadewi et al., 2018). Perayaan ini bukan sahaja berfungsi sebagai medium penyatuan keluarga dan komuniti, tetapi juga membawa makna simbolik yang pelbagai.

Kepelbagaian ini memberi implikasi langsung terhadap tahap dan bentuk penyertaan masyarakat Melayu dan Bumiputera, yang perlu menyesuaikan penglibatan mereka berdasarkan sensitiviti agama, nilai budaya dan tujuan sosial sesuatu perayaan. Justeru, isu penyertaan ini menuntut analisis yang lebih sistematik dan kontekstual dalam kerangka masyarakat majmuk di Malaysia.

Penyertaan perayaan Cina (PPC)

Dalam kajian ini, penyertaan perayaan Cina (PPC) ditakrifkan sebagai tahap penglibatan responden Melayu dan Bumiputera dalam aktiviti seperti rumah terbuka, program kebudayaan dan sambutan perayaan Cina yang bersifat sosial dan budaya, yang diukur melalui lima item skala Likert. PPC mencerminkan dimensi tingkah laku penyertaan dalam perayaan budaya dan sering dikaitkan dengan usaha memupuk integrasi sosial dalam masyarakat majmuk (Mustafar et al., 2021; Mohamad et al., 2023).

Pengetahuan dan penyertaan perayaan Cina

Pengetahuan merujuk kepada kefahaman responden tentang sejarah, tradisi dan makna utama perayaan Cina, termasuk simbol dan amalan yang lazim diraikan. Secara operasional, pengetahuan diukur melalui empat item yang menilai sejauh mana responden mengetahui maksud dan tujuan perayaan; pengetahuan yang lebih tinggi dijangka meningkatkan keyakinan dan kesediaan untuk menyertai PPC kerana ia mengurangkan stereotaip dan kekeliruan terhadap budaya lain (Yong Hie Hie et al., 2021; Mohd Anuar Ramli et al., 2013).

Sikap dan penyertaan perayaan Cina

Sikap merujuk kepada penilaian umum responden terhadap kepelbagaian budaya, khususnya sama ada mereka melihat perayaan Cina sebagai sesuatu yang positif dan wajar diraikan bersama. Sikap diukur melalui lima item berkaitan kesediaan bergaul, menghormati dan meraikan perayaan Cina; sikap yang lebih positif dijangka berkait dengan penyertaan yang lebih tinggi, selaras dengan teori integrasi sosial yang menekankan peranan toleransi dan penerimaan terhadap budaya lain dalam menggalakkan interaksi antara etnik (Che Mohd Aziz Yaacob, 2012; Mustafar et al., 2021).

Impresi keseluruhan dan penyertaan perayaan Cina

Impresi keseluruhan pula ialah gambaran menyeluruh responden terhadap perayaan Cina, sama ada perayaan itu dianggap serasi atau bercanggah dengan nilai agama dan budaya mereka. Secara operasional, impresi keseluruhan diukur melalui empat item yang menilai sejauh mana perayaan Cina dilihat selamat dari sudut agama dan sesuai dengan norma budaya. Literatur menunjukkan bahawa persepsi negatif terhadap unsur yang dianggap bercanggah dengan ajaran agama, seperti penggunaan arak, hidangan berasaskan babi atau simbolisme keagamaan tertentu, boleh menghadkan penglibatan umat Islam dalam perayaan bukan Islam (Zulkifli Mohammad, 2017; Mohd Faqih Baharudin & Zulia Mohd Kusrin, 2021). Justeru, semakin negatif impresi keseluruhan, semakin rendah kecenderungan responden untuk terlibat dalam PPC.

Rangka kerja konseptual

Berdasarkan perbincangan dalam sorotan Pustaka dan sejajar dengan tujuan serta persoalan kajian, Rajah 1 menunjukkan rangka kerja konseptual telah dibangunkan bagi menggambarkan hubungan antara pengetahuan, sikap dan impresi keseluruhan dengan penyertaan masyarakat Melayu dan Bumiputera dalam perayaan masyarakat Cina.



Rajah 1. Rangka kerja konseptual

Hipotesis kajian

Selaras dengan rangka kerja konseptual dalam Rajah 1, kajian ini mengemukakan tiga hipotesis utama untuk diuji bagi menjawab persoalan kajian secara tuntas seperti berikut:

H1: Pengetahuan mempunyai hubungan positif dengan penyertaan masyarakat Melayu dan Bumiputera dalam perayaan masyarakat Cina.

H2: Sikap mempunyai hubungan positif dengan penyertaan masyarakat Melayu dan Bumiputera dalam perayaan masyarakat Cina.

H3: Impresi keseluruhan mempunyai hubungan negatif dengan penyertaan masyarakat Melayu dan Bumiputera dalam perayaan masyarakat Cina.

Metodologi

Pendekatan deduktif digunakan dalam kajian ini, yang membawa kepada penggunaan kaedah kuantitatif bagi mengumpul data daripada populasi sasaran. Kajian menumpukan kepada penyertaan perayaan Cina (PPC) dalam kalangan pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) di lima cawangan, iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Sarawak, Pulau Pinang dan Terengganu. Pemilihan pelajar UiTM sebagai responden dibuat kerana mereka mewakili golongan muda Melayu dan Bumiputera yang sedang mengikuti pendidikan tinggi, yang lazimnya lebih terdedah kepada persekitaran multikultural dan mempunyai peluang interaksi antara kaum yang luas. Justeru, dapatan kajian ini menggambarkan secara khusus persepsi dan penyertaan kelompok remaja terpelajar, dan tidak ditujukan untuk digeneralisasi secara langsung kepada keseluruhan masyarakat Melayu dan Bumiputera di Malaysia.

Model kajian ini melibatkan beberapa konstruk dan indikator, sekali gus memerlukan saiz sampel yang mencukupi bagi memastikan kestabilan anggaran. Hair et al. (2019) menegaskan bahawa model yang lebih kompleks dengan bilangan peramal yang tinggi memerlukan saiz sampel yang lebih besar untuk mendapatkan keputusan yang teguh. Sehubungan itu, kajian ini menggunakan teknik persampelan bukan kebarangkalian, iaitu gabungan persampelan kemudahan (*convenience*) dan bertujuan (*purposive*), dengan mengedarkan soal selidik kepada pelajar UiTM yang memenuhi kriteria Melayu atau Bumiputera. Pendekatan ini membolehkan pengumpulan data berskala besar dalam tempoh yang terhad, namun pada masa yang sama diakui bahawa ia menghadkan tahap hebahan dapatan kepada populasi yang lebih luas. Kriteria pemilihan responden merangkumi umur, jantina, tahap pengajian, agama dan lokasi kediaman, dan jumlah responden yang diperolehi adalah seramai 938 orang.

Skop kajian

Skop kajian ini tertumpu kepada masyarakat Melayu dan Bumiputera yang berada dalam lingkungan umur remaja dan dewasa muda, iaitu pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) di lima cawangan terpilih, iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Sarawak, Pulau Pinang dan Terengganu. Kajian memberi tumpuan kepada tahap pengetahuan, sikap dan impresi keseluruhan mereka terhadap perayaan masyarakat Cina serta bagaimana faktor-faktor ini mempengaruhi penyertaan

dalam perayaan tersebut. Sejalan dengan skop tersebut, dapatan kajian ini menggambarkan secara khusus perspektif golongan muda terpelajar dalam konteks institusi pengajian tinggi awam dan tidak digeneralisasikan secara langsung kepada keseluruhan populasi masyarakat Melayu dan Bumiputera di Malaysia.

Instrumen kajian

Instrumen soal selidik bagi kajian ini terdiri daripada soalan tertutup yang diukur menggunakan skala Likert lima mata bermula daripada 1 – “Sangat Tidak Setuju”, 2 – “Tidak Setuju”, 3 – “Neutral”, 4 – “Setuju” dan 5 – “Sangat Setuju” (Rasheed dan Rashid, 2023). Soal selidik dibahagikan kepada beberapa bahagian yang merangkumi maklumat demografi serta empat konstruk utama, iaitu penyertaan perayaan Cina (PPC), pengetahuan (PGTN), sikap (SKP) dan impresi keseluruhan (IK). Item-item bagi setiap konstruk dibina dan diadaptasi daripada kajian lepas yang berkaitan dengan perayaan budaya, sikap terhadap kepelbagaian budaya dan interaksi antara kaum, dengan mengambil kira konteks masyarakat Malaysia yang majmuk.

Secara keseluruhan, konstruk PPC diukur menggunakan 5 item, PGTN menggunakan 4 item, SKP menggunakan 5 item dan IK menggunakan 4 item. Kebolehpercayaan dan kesahan instrumen kemudiannya dinilai melalui model pengukuran PLS-SEM seperti yang dihuraikan dalam bahagian dapatan.

Pengumpulan data

Tinjauan ditadbir secara dalam talian dan disediakan dalam bahasa Inggeris dan Melayu. Set soal selidik disediakan dalam bentuk *Google Form* yang mudah diakses dan memenuhi ciri-ciri yang diperlukan untuk soal selidik kajian.

Analisis data

Teknik analisis *partial least square-structural equation modelling* (PLS-SEM) digunakan. Kaedah analisis PLS-SEM menawarkan kelebihan, terutamanya dalam penerokaan varians yang menyeluruh dan bantuan dalam menavigasi model yang kompleks (Ibid). Dalam PLS-SEM, model pengukuran menilai kebolehpercayaan instrumen penyelidikan, manakala model struktur membantu dalam pengujian hipotesis (Ibid). Oleh itu, pilihan untuk menggunakan PLS-SEM dengan Smart Partial Least Squares (PLS) 4 (Ringle et al. 2023) didorong oleh kebimbangan mengenai keupayaan ramalannya (Ibid). SmartPLS, perisian yang diiktiraf secara meluas untuk PLS-SEM, dianggap sesuai untuk tujuan ini kerana kesesuaiannya dengan analisis ramalan, seperti yang diketengahkan oleh Hair (Ibid).

Selain itu, SmartPLS dipilih kerana kemampuannya untuk mengendalikan model struktur yang rumit yang mengandungi banyak konstruk, indikator dan hubungan. Akhirnya, fleksibiliti PLS-SEM dalam memodelkan kedua-dua pembolehubah bersandar dan bebas lebih membenarkan penggunaannya. Selanjutnya, selaras dengan cadangan Cain et al. (2017) dan Ngah et al. (2021) ujian normaliti dijalankan dengan menggunakan Shapiro-Wilk dan Kolmogorov-Smirnov. Dapatan menunjukkan nilai statistik Shapiro-Wilk bagi semua item penyertaan perayaan Cina antara 0.167 sehingga 0.305 dan nilai p adalah kurang daripada 0.05, manakala nilai statistik Kolmogorov-Smirnov antara 0.818 hingga 0.908 dengan nilai p kurang daripada 0.05. Maka kedua-dua ujian menunjukkan bahawa data tidak mengikuti taburan normal. Justeru membenarkan kajian ini

menggunakan Smart PLS sebagai perisian bukan parametrik untuk analisis data.

Dapatan kajian

Jadual 1 menerangkan profil demografik responden seramai 938 orang berdasarkan tujuh kategori utama, iaitu umur, etnik, jantina, tahap pengajian, agama, lokasi cawangan UiTM, dan asal tempat tinggal. bagi faktor umur majoriti responden berumur diantara 19-20 tahun (52.7%), diikuti oleh mereka yang berumur 21-23 tahun (43.1%). Manakala bagi responden yang berumur diantara 24-30 tahun dan 31 tahun ke atas adalah kecil, masing-masing adalah 3.9% dan 0.3%. Faktor etnik menunjukkan sebahagian besar responden adalah kaum Melayu (88.2%) dan Bumiputera hanya 11.8%. Maka selari dengan itu faktor agama hampir semua responden beragama Islam (95.8%) dan hanya 4.2% yang menganuti agama lain selain daripada agama Islam. Responden perempuan mendominasi dengan 64.3% manakala lelaki hanya 38.6%.

Majoriti responden sedang mengikuti pengajian di peringkat Sarjana Muda (53.9%), diikuti peringkat Diploma (45.5%) dan responden peringkat PhD adalah minoriti, hanya 0.5%. Tambahan, bagi kategori UiTM Cawangan, responden paling ramai berasal dari cawangan Pulau Pinang (28.9%), diikuti Selangor (23.8%), Sarawak (18.2%), Terengganu (15.1%), dan Negeri Sembilan (14.0%). Sebahagian besar responden berasal dari kawasan bandar (46.5%), diikuti kawasan separuh bandar (30.9%) dan luar bandar (22.6%).

Jadual 1. Profil demografik (N=938)

	Profil	Bilangan	Peratus
Umur	19-20 tahun	494	52.7
	21-23 tahun	404	43.1
	24-30 tahun	37	3.9
	31 tahun ke atas	3	0.3
Etnik	Melayu	827	88.2
	Bumiputera	111	11.8
Jantina	Lelaki	343	36.6
	Perempuan	595	63.4
Tahap pengajian	Diploma	427	45.5
	Sarjana Muda	506	53.9
	PhD	5	0.5
Agama	Islam	899	95.8
	Lain-lain	39	4.2
UiTM cawangan	Selangor	223	23.8
	Negeri Sembilan	131	14.0
	Sarawak	171	18.2
	Pulau Pinang	271	28.9
	Terengganu	142	15.1
Asal tempat tinggal	Bandar	436	46.5
	Separuh bandar	290	30.9
	Luar bandar	212	22.6

Model pengukuran

Jadual 2 memaparkan keputusan model pengukuran reflektif bagi semua konstruk laten. Nilai *factor loadings*, *Composite Reliability* (CR) dan *Average Variance Extracted* (AVE) bagi setiap konstruk disenaraikan dalam jadual tersebut. Semua indikator yang dikekalkan mempunyai nilai loadings sekurang-kurangnya 0.708, manakala nilai CR melebihi 0.70 dan nilai AVE melebihi 0.50. Satu item di bawah konstruk impresi keseluruhan (E04) telah digugurkan kerana mempunyai nilai loading yang rendah. Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa semua konstruk memenuhi kriteria kebolehpercayaan dalaman dan kesahan konvergen yang memuaskan.

Jadual 2. Model pengukuran


Konstruk	Item	Loading	AVE	CR
Penyertaan Perayaan Cina (PPC)	D01	0.708	0.649	0.902
	D02	0.826		
	D03	0.832		
	D04	0.852		
	D05	0.801		
Pengetahuan (PGTN)	B01	0.749	0.645	0.879
	B02	0.840		
	B03	0.769		
	B04	0.849		
Sikap (SKP)	C01	0.742	0.563	0.865
	C02	0.727		
	C03	0.736		
	C04	0.812		
	C05	0.729		
Impresi Keseluruhan (IK)	E01	0.919	0.683	0.865
	E02	0.754		
	E03	0.798		

Seterusnya, kesahan diskriminan model dinilai menggunakan teknik HTMT (Heterotrait-Monotrait Ratio) seperti yang dikembangkan oleh Henseler, Ringle, dan Sarstedt (Henseler et al. 2015). Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3, semua nilai memenuhi kriteria HTMT_{.90} Gold³⁹(Gold et al. 2001) dan HTMT_{.85} Kline (Kline et al. 2011). Hal ini menunjukkan bahawa kesahan diskriminan telah dipastikan.

Jadual 3. Kriteria HTMT

	IK	PGTN	PPC	SKP
Impresi Keseluruhan (IK)				
Pengetahuan (PGTN)	0.094			
Penyertaan Perayaan Cina (PPC)	0.257	0.581		
Sikap (SKP)	0.297	0.511	0.825	

Rajah 2 menggambarkan model penyertaan perayaan Cina yang terdiri daripada tiga konstruk utama sebagai pemboleh ubah bebas, iaitu pengetahuan, sikap, dan impresi keseluruhan. Model ini mengkaji hubungan ketiga-tiga konstruk tersebut dengan konstruk bergantung, iaitu penyertaan perayaan Cina dalam kalangan pelajar UiTM Selangor, Negeri Sembilan, Sarawak, Pulau Pinang dan Terengganu.



Rajah 2. Model penyertaan perayaan Cina (n=938)

Analisis model struktur

Kajian ini menunjukkan model struktur analisis iaitu mengkaji hubungan di antara pemboleh ubah laten (penyertaan perayaan Cina) dan indikator seperti pengetahuan, sikap dan impresi keseluruhan. Setelah model pengukuran ditetapkan, kajian ini meneruskan ke langkah kedua, iaitu model struktur untuk pengujian hipotesis. Teknik *bootstrapping* dengan 5,000 subsampel digunakan untuk menganggarkan 95% selang keyakinan yang diperbetulkan untuk kesan langsung dan moderasi. Hipotesis akan dianggap disokong jika nilai beta selaras dengan hipotesis, nilai t adalah 1.645, nilai p adalah ≤ 0.05 dan selang keyakinan tidak mempunyai nilai sifar antara tahap rendah (LL) dan tahap tinggi (Rashid et al., 2022a, 2022b). Sebelum pengujian hipotesis, kajian ini harus memastikan bahawa data bebas dari multikolineariti. Data kajian ini selamat dari multikolineariti jika nilai VIF adalah ≤ 3.3 (Diamantopoulos dan Siguaw, 2006). Penemuan dalam Jadual 4 menunjukkan bahawa semua nilai VIF adalah lebih rendah daripada nilai ambang yang dicadangkan, iaitu 3.3 dengan itu mengesahkan bahawa data tidak mengalami multikolineariti.

Jadual 4. Penilaian kolineariti lateral

	IK	PGTN	PPC	SKP
Impresi Keseluruhan (IK)			1.070	
Pengetahuan (PGTN)			1.212	
Penyertaan Perayaan Cina (PPC)				
Sikap (SKP)				1.288

Seterusnya, keputusan model struktur dalam Rajah 5 menunjukkan bahawa pengetahuan mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan penyertaan perayaan Cina ($\beta = 0.248$, $t = 8.720$). Ini bermaksud apabila tahap pengetahuan responden tentang tradisi dan makna perayaan Cina meningkat, tahap penyertaan mereka dalam perayaan tersebut juga cenderung meningkat.

Sikap turut menunjukkan hubungan positif yang kuat dan signifikan dengan penyertaan perayaan Cina ($\beta = 0.571$, $t = 21.474$). Secara praktikalnya, semakin positif sikap responden terhadap kepelbagaian budaya dan perayaan masyarakat Cina, semakin tinggi kecenderungan mereka untuk terlibat secara aktif dalam sambutan tersebut.


Sebaliknya, impresi keseluruhan menunjukkan hubungan negatif yang signifikan dengan penyertaan perayaan Cina ($\beta = -0.072$, $t = 2.896$). Ini menunjukkan bahawa apabila impresi keseluruhan responden terhadap perayaan Cina menjadi lebih negatif sebagai contoh menganggap terdapat elemen yang bercanggah dengan nilai agama atau budaya mereka maka tahap penyertaan mereka dalam perayaan tersebut akan berkurangan.

Selain itu, ketiga-tiga hubungan menunjukkan nilai $t \geq 1.645$, maka signifikan pada tahap signifikan 0.05 dengan menerangkan 53.3% varians penyertaan perayaan Cina. Manakala, nilai R^2 adalah 0.533 adalah lebih tinggi daripada nilai 0.26 seperti dicadangkan oleh Cohen (1988) yang mana menunjukkan *substantial model* (Cohen, 1988). Tambahan pula, Cohen menyatakan saiz kesan (f^2) dibahagikan kepada tiga tahap, iaitu 0.02 menggambarkan saiz kesan kecil, diikuti 0.15 menggambarkan saiz kesan yang sederhana dan 0.35 menggambarkan saiz kesan besar (Ibid).

Jadual 5. Ujian hipotesis

Hipotesis	Hubungan	Beta	SE	Nilai-t	Nilai-p	TR	TT	R ²	f ²
H1	PGTN -> PPC	0.248	0.028	8.720	0.000	0.200	0.294	0.533	0.109
H2	SKP -> PPC	0.571	0.027	21.474	0.000	0.526	0.613		0.542
H3	IK -> PPC	-0.072	0.025	2.896	0.002	-0.111	-0.030		0.010

Bagi menilai hubungan antara konstruk-konstruk laten dalam model struktur, analisis PLS-SEM telah dijalankan dengan memfokuskan kepada tiga laluan utama, iaitu daripada pengetahuan, sikap dan impresi keseluruhan kepada penyertaan perayaan Cina. Nilai pekali laluan (β), bersama nilai-t hasil *bootstrapping*, dipaparkan dalam Rajah 3 bagi menggambarkan arah dan kekuatan setiap hubungan yang diuji.



Rajah 3. Diagram pemodelan persamaan struktur

Ramalan PLS

Shmueli mencadangkan untuk menggunakan Ramalan PLS, kajian ini menjalankan ramalan PLS bagi menilai *root mean square error* (RMSE) untuk menilai pemodelan PLS dan pemodelan linear (LM) (Shmueli et al., 2019). Merujuk kepada nilai Q^2 mesti lebih besar daripada 0. Bagi PLS RMSE menolak LM RMSE, jika semua nilai didapati negatif ini menunjukkan model mempunyai kuasa ramalan yang kuat.

Sekiranya majoriti adalah negatif, kajian mempunyai kuasa ramalan sederhana, jika minoriti negatif, kajian mempunyai kuasa ramalan rendah, sementara itu jika semua adalah positif, ia tidak mengesahkan kuasa (Ibid). Jadual 6 menerangkan keputusan PLS RMSE menolak LM RMSE, walaupun nilai ramalan Q^2 menunjukkan kuasa ramalan yang baik, nilai RMSE dan MAE untuk model PLS-SEM lebih tinggi daripada model linear (LM), ini menggambarkan bahawa PLS-SEM mungkin tidak mempunyai kuasa ramalan yang lebih baik.

Jadual 6. Ramalan PLS

Item	PLS-SEM_RMSE	LM_RMSE	PLS-LM	Q^2 predict
D01	0.982	0.907	0.075	0.289
D02	0.852	0.829	0.023	0.379
D03	0.663	0.652	0.011	0.354
D04	0.666	0.650	0.016	0.348
D05	0.641	0.613	0.028	0.337

Perbincangan

Peranan pengetahuan

Pertama, pengetahuan memainkan peranan penting dalam mendorong penyertaan. Responden yang memiliki tahap pengetahuan yang lebih tinggi tentang tradisi dan makna perayaan Cina cenderung untuk melihat perayaan tersebut sebagai ruang sosial dan budaya, bukan semata-mata ritual keagamaan, lalu lebih bersedia untuk turut serta. Dalam konteks masyarakat Melayu dan Bumiputera, pengetahuan membantu membezakan antara unsur budaya yang dibenarkan dengan unsur keagamaan yang perlu dielakkan, sekali gus mengurangkan kebimbangan tentang isu akidah dan batas halal-haram. Proses ini berlaku melalui pendedahan kepada maklumat di sekolah, media dan interaksi rakan sebaya yang menerangkan maksud sebenar simbol, makanan dan amalan tertentu dalam perayaan Cina.

Dapatan ini selari dengan Yong Hie Hie et al. (2021) yang menunjukkan bahawa pendidikan di peringkat sekolah memainkan peranan dalam meningkatkan kefahaman dan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya. Namun, kajian ini memperluas dapatan tersebut dengan menunjukkan bahawa pengetahuan bukan sahaja meningkatkan kefahaman, malah diterjemahkan kepada penyertaan aktif dalam perayaan budaya kaum lain, khususnya dalam kalangan pelajar Melayu dan Bumiputera di institusi pengajian tinggi. Sumbangan baharu kajian ini ialah ia mengaitkan secara empirikal tahap pengetahuan dengan tingkah laku penyertaan dalam perayaan Cina, dan bukan sekadar sikap umum terhadap kepelbagaian budaya

Peranan sikap positif

Kedua, sikap positif terhadap kepelbagaian budaya muncul sebagai faktor paling signifikan dalam mempengaruhi penyertaan. Analisis menunjukkan bahawa sikap menerima dan menghargai budaya Cina membuka ruang kepada interaksi yang lebih mendalam antara komuniti, contohnya melalui amalan mengunjungi rumah terbuka, menghadiri majlis makan besar atau menyertai aktiviti kebudayaan di kampus. Sikap ini sebahagiannya dibentuk oleh pengalaman sosial pelajar yang hidup dalam persekitaran multietnik di universiti, pendedahan kepada naratif perpaduan melalui media, dan dasar pendidikan yang menekankan integrasi sosial berbanding asimilasi budaya.

Perbezaan ini dapat dilihat jika dibandingkan dengan konteks selatan Thailand, di mana pendekatan asimilasi telah menimbulkan reaksi penolakan dalam kalangan masyarakat Melayu Patani (Che Mohd Aziz Yaacob, 2012). Sebaliknya, dalam konteks Malaysia, konsep integrasi membenarkan masyarakat Melayu dan Bumiputera mengekalkan identiti agama dan budaya mereka, sambil pada masa sama membina hubungan erat dengan masyarakat Cina. Dapatan kajian ini menyokong teori integrasi sosial yang menekankan peranan sikap toleransi sebagai jambatan antara kumpulan etnik, dan menambah bukti empirikal bahawa sikap positif bukan sahaja mengurangkan prasangka, tetapi juga meningkatkan penglibatan konkrit dalam perayaan budaya.

Peranan impresi keseluruhan yang negatif

Namun, impresi keseluruhan menunjukkan hubungan negatif terhadap penyertaan dalam perayaan Cina, terutamanya sambutan seperti Tahun Baru Cina. Persepsi negatif ini sering dikaitkan dengan anggapan bahawa adanya elemen yang bercanggah dengan nilai agama, seperti penggunaan arak,

hidangan berasaskan babi atau simbolisme yang dilihat terlalu dekat dengan ritual keagamaan. Walaupun contoh-contoh ini penting, ia hanya menggambarkan “apa” yang menimbulkan kebimbangan, bukan “bagaimana” persepsi tersebut terbentuk dan dikekalkan.

Dalam realiti sosial, impresi negatif ini dibentuk melalui proses sosialisasi agama sejak kecil, di mana keluarga, institusi pendidikan agama dan komuniti menekankan batas-batas yang perlu dipatuhi dalam bergaul dengan penganut agama lain. Penekanan yang kuat terhadap pemeliharaan identiti dan sensitiviti terhadap unsur yang dianggap syubhah boleh menyebabkan sebahagian individu mengambil pendekatan berhati-hati atau menjauhkan diri daripada perayaan bukan Islam, walaupun segmen perayaan itu sebenarnya bersifat budaya. Selain itu, naratif media dan wacana awam yang sesekali menonjolkan kontroversi berkaitan perayaan bukan Islam turut mengukuhkan impresi bahawa penyertaan mungkin membawa implikasi agama, sekali gus mengurangkan tahap keterbukaan untuk menyertai.

Walaupun demikian, kajian lepas menunjukkan wujud juga ruang interaksi yang positif, seperti yang dilaporkan oleh Mohd Faqih Baharudin dan Zulia Mohd Kusrin (2021) berhubung penglibatan muallaf India dengan keluarga bukan Islam ketika sambutan perayaan Hindu. Ini menunjukkan bahawa impresi negatif tidak bersifat homogen; ia boleh diimbangi oleh pengalaman peribadi yang positif dan dialog berterusan dalam kalangan keluarga serta komuniti. Justeru, memperkukuh platform dialog antara budaya dan antara agama sama ada melalui program universiti, NGO atau komuniti adalah penting untuk mengalihkan persepsi daripada rasa curiga kepada kefahaman yang lebih seimbang.

Peranan institusi agama

Sehubungan itu, peranan institusi agama juga relevan dalam mengurus persepsi dan batas penyertaan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau majlis agama negeri juga boleh dipertimbangkan dalam menyediakan garis panduan yang lebih jelas berhubung batas penyertaan umat Islam dalam perayaan bukan Islam, agar kekeliruan dapat diminimumkan tanpa menjejaskan peluang interaksi antara kaum. Saluran komunikasi rasmi melalui media arus perdana dan media sosial berpotensi membantu masyarakat memahami bentuk penglibatan yang dibenarkan, sekali gus mengurangkan impresi negatif yang berpunca daripada maklumat yang tidak lengkap.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini memberi gambaran bahawa pengetahuan dan sikap yang terbuka terhadap kepelbagaian budaya benar-benar memainkan peranan dalam mendorong anak muda Melayu dan Bumiputera untuk turut serta dalam perayaan masyarakat Cina. Apabila mereka lebih faham maksud dan tradisi di sebalik sesuatu perayaan, serta mempunyai sikap yang positif terhadap budaya rakan sekelas atau jiran mereka, penyertaan menjadi lebih semula jadi dan tidak lagi dilihat sebagai sesuatu yang janggal. Sebaliknya, apabila wujud impresi keseluruhan yang negatif khususnya apabila perayaan itu dianggap bercanggah dengan nilai agama atau budaya sendiri maka kecenderungan untuk menyertai akan menjadi lebih rendah dan hubungan antara kaum juga menjadi lebih terbatas

Berdasarkan dapatan daripada kajian ini, masih banyak ruang yang boleh diterokai pada masa hadapan. Penyelidikan seterusnya boleh melibatkan pelajar dari institusi dan negeri yang berbeza untuk melihat sama ada corak yang sama turut muncul dalam konteks lain. Pengkaji juga boleh meneliti dengan lebih dekat peranan media, latar sosioekonomi dan bimbingan institusi agama dalam membentuk cara masyarakat melihat perayaan bukan Islam. Pendekatan kualitatif seperti temu bual mendalam atau kajian kes mungkin membantu menangkap suara dan pengalaman sebenar individu, sekali gus menyumbang kepada usaha memperkukuh hubungan antara kaum di Malaysia.

Penghargaan

Para penyelidik ingin merakamkan penghargaan kepada FRGS/1/2023/SS10/UITM/02/26 di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi dan 600-RMC/FRGS 5/3 (053/2023) di bawah Universiti Teknologi MARA atas pemberian dana untuk penyelidikan ini.

Rujukan

- Anderson, B. (1993). *Imagined Communities: Reflections on the Origin and Spread of Nationalism*. Verso.
- Arroichan, M. F., & Rasmuin, R. (2023). Manajerial dakwah Islam melalui perayaan Sekaten sebagai representasi kekayaan kebudayaan Islam Indonesia. *MAWAIZH Jurnal Dakwah dan Pengembangan Sosial Kemanusiaan*, 14(2), 107-135.
- Aulia, G. R. (2022). Toleransi antar umat beragama dalam perayaan lovely desember di Tana Toraja. *Jurnal Ushuluddin: Media Dialog Pemikiran Islam*, 24(1), 84-97.
- Azizah, N., & Fauzi, A. M. (2021). Pembentukan identitas sosial dalam perayaan Idul Adha di Desa Ngampungan Kabupaten Jombang. *Al Qalam: Jurnal Ilmiah Keagamaan dan Kemasyarakatan*, 15(1), 72-82.
- Azman Che Mat, Azarudin Awang & Ruhaizah Abd Ghani. (2022). Sejarah kedatangan komuniti Cina ke Terengganu abad 14m-18m: Diaspora dan penukaran agama. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 49(1), 1-22.
- Barbato, M. (2020). 'Dear Hindu friends': Official Diwali greetings as a medium for diplomatic dialogue. *Religion*, 50(3), 353-371.
- Beig, G., Chate, D. M., Ghude, S. D., Ali, K., Satpute, T., Sahu, S. K., Parkhi, N., & Trimbake, H. K. (2013). Evaluating population exposure to environmental pollutants during Deepavali fireworks displays using air quality measurements of the SAFAR network. *Chemosphere*, 92(1), 116-124.
- Bochner, Arthur P. (2004). Festivals sebagai Tapak Pembinaan Makna: Festival Muzik Suci Dunia sebagai kajian kes. In S. David (Ed.), *Festival Studies: An Annual Review of European Festivals*. Routledge.
- Cahyono, H., & Susanti, Y. (2019). Nilai-nilai pendidikan multikultural dalam film animasi Upin Ipin episode esok Hari Raya, Gong Xi Fa Cai, dan Deepavali. *At-Tajdid: Jurnal Pendidikan dan Pemikiran Islam*, 3(1), 70-84.

- Cain, M. K., Zhang, Z., & Yuan, K. H. (2017). Univariate and multivariate skewness and kurtosis for measuring nonnormality: Prevalence, influence and estimation. *Behavior Research Methods*, 49(5), 1716-1735.
- Che Mohd Aziz Yaacob. (2012). Asimilasi bangsa Melayu di Patani: Keberkesanan dasar dan survival budaya minoriti (The assimilation of the Malays in Patani: The effectiveness of policies and survival of the minority culture. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 39(1), 97-123.
- Cohen, E. (2013). Festival Cultures. In J. J. F. Sharpley, & J. S. Gome (Eds.), *Festival Global: Menganalisis Muzik, Hiburan dan Tontonan*. Routledge.
- Cohen, J. (1988). *Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences*. Laurence Erlbaum and Associates, Mahwah.
- Diamantopoulos, A., & Siguaw, J. A. (2006). Formative versus reflective indicators in organizational measure development: A comparison and empirical illustration. *British Journal of Management*, 17(4), 263-282.
- Djuniasih, E., & Kosasih, A. (2019). Penerapan karakter toleransi beragama pada masyarakat Cigugur yang pluralisme. *Jurnal Pendidikan Karakter*, 10(1), 1-11.
- Gold, A. H., Malhotra, A., & Segars, A. H. (2001). Knowledge management: An organizational capabilities perspective. *Journal of Management Information Systems*, 18(1), 185-214.
- Hair Jr, J.F., Babin, B.J., & Krey, N (2017). Covariance-Based Structural equation modeling in the Journal of Advertising: Review and recommendations. *Journal of Advertising*, 46(1), 163-177.
- Hair, J. F., Risher, J. J., Sarstedt, M., & Ringle, C. M. (2019). When to use and how to report the results of PLS-SEM. *European Business Review*, 31(1), 2-24.
- Hashmi, A. R., Amirah, N. A., Yusof, Y., & Zaliha, T. N. (2021). Mediation of inventory control practices in proficiency and organizational performance: State-funded hospital perspective, *Uncertain Supply Chain Management*, 9(1), 89-98.
- Henseler, J., Ringle, C. M., & Sarstedt, M. (2015). A new criterion for assessing discriminant validity in variance-based structural equation modelling, *Journal of the Academy of Marketing Science*, 43(1), 115-135.
- Kline, R. B. (2011). *Principles and Practice of Structural Equation Modeling* (3rd ed.). Guilford Press.
- McCartney, G., & Osti, L. (2007). From cultural events to sport events: A case study of cultural authenticity in the Dragon Boat Races. *Journal of Sport Tourism*, 12(1), 25-40.
- Mohamad, A., Wan Ali, W. Z. K, Ghazali, A., Chang, L.W., & Zainol, R. (2023). Interreligious Dialogue in Malaysia: Issues of its Implementation. *KATHA*, 19(1), 1-13.
- Mohd Anuar Ramli, Paizah Hj Ismail, Ahmad Badri Abdullah & Mohammad Aizat Jamaludin. (2013). Fenomena al-tasyabbuh (penyerupaan) dalam sambutan perayaan masyarakat majmuk di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 21(1), 21-42.
- Mohd Faqih Baharudin & Zulia Mohd Kusrin. (2021). Interaksi Mualaf India dengan Keluarga Bukan Islam Ketika Sambutan Perayaan Agama Hindu. *Islāmiyyāt: International Journal of Islamic Studies*, 43(1), 73-84.
- Mustafar, F. W., & Badhrulhisham, A. (2021). Pesta Pongal dan Tahun Baru Cina: Perayaan adat atau keagamaan? Satu toleransi agama di Malaysia. *'Abqari Journal*, 25(1), 80-96.

- Musyarif, M., Saleh, M., Ahdar, A., & Nirwana, N. (2020). The Society's Perception of Maddoa' Ceremony in Enrekang South Sulawesi. *Religious: Jurnal Studi Agama-Agama dan Lintas Budaya*, 4(3), 204-214.
- Nasir, M. S. G. (2019). Ambur Peh-Cun Sebagai Iringan Lomba Perahu Naga dalam Upacara Peh-Cundi Tangerang Banten. *Selonding Jurnal Etnomusikologi*, 15(1), 20-34.
- Ngah, A. H., Rahimi, A. H. M., Gabarre, S., Saifulizam, N. I. F. C., Aziz, N. A., & Han, H. (2021). Voluntourism sustainability: A case of Malaysian East Coast island destinations. *Asia Pacific Journal of Tourism Research*, 26(12), 1364-1385.
- Nugroho, F. J. (2022). Potret toleransi kehidupan masyarakat dalam perayaan keberagamaan di tengah perbedaan. *Jurnal Sosial Humaniora dan Pendidikan*, 1(1), 37-42.
- Pebrianto, P., Herpratiwi, H., & Fitriawan, H. (2021). Pengembangan multimedia pembelajaran Hari Raya Agama Buddha di Sekolah Minggu Buddhis Bodhisattva. *Edukatif: Jurnal Ilmu Pendidikan*, 3(4), 1261-1270.
- Pricilla Synthiadewi, W. (2018). *Festival Kue Bulan di Kelenteng Hok an Kiong Surabaya* [Doctoral dissertation, Universitas Darma Persada].
- Rasheed, R., Rashid, A., Amirah, N. A., & Afthanorhan, A. (2022). Quantifying the moderating effect of servant leadership between occupational stress and employee in-role and extra-role performance. *Quality - Access to Success*, 24(195), 60-68.
- Rashid, A., Baber Ali, S., Rasheed, R., Amirah, N. A., & Ngah, A. H. (2022). A paradigm of blockchain and supply chain performance: A mediated model using structural equation modeling. *Kybernetes*, 52(3), 1-16.
- Rashid, A., Rasheed, R., Ngah, A. H., Pradeepa Jayaratne, M. D. R., Rahi, S., & Tunio, M. N. (2024b). Role of information processing and digital supply chain in supply chain resilience through supply chain risk management, *Journal of Global Operations and Strategic Sourcing*, 17(9), 1-19.
- Ringle, C. M., Sarstedt, M., Sinkovics, N., & Sinkovics, R. R. (2023). A perspective on using partial least squares structural equation modelling in data articles. *Data in Brief*, 48(1), 1-21.
- Sakurada, R. (2014). Emerging Chinese public sphere in multi-ethnic Malaysia: A case study of hungry ghost festival and philanthropic activities. The Proceeding of Kyoto University-Nanjing University Sociology and Anthropology Workshop, 2013, 53-57.
- Shmueli, G., Sarstedt, M., Hair, J. F., Cheah, J. -H., Ting, H., Vaithilingam, S., & Ringle, C. M. (2019). Predictive model assessment in PLS-SEM: Guidelines for using PLSpredict. *European Journal of Marketing*, 53(11), 2323-2347.
- Tanggok, M. I. (2010). Ancestor Worship in Chinese Society in Sarawak, Malaysia. E-Journal, The Asian Scholar, Asian Scholarship Foundation Bangkok. Annual Conference Paper, 1-17.
- Tangkudung, J. P. M. (2017). Persepsi tentang perayaan pengucapan syukur Minahasa (Studi Komunikasi Antarbudaya pada Mahasiswa Luar Sulawesi Utara di Fispol Unsrat). *Acta Diurna Komunikasi*, 6(1).
- Yong Hie Hie, Ku Hasnita Ku Samsu & Zatul Himmah Adnan. (2021). Faktor penghalang kepada peranan guru sebagai agen sosialisasi politik di sekolah dalam membentuk perpaduan di daerah Petaling. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 48(2), 82-107.
- Zulkifli Mohammad. (2017). Bayan Linnas Siri Ke-48: Islam Dan Tahun Baru Cina. Dalam Laman Sesawang Rasmi Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan.